

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK KERTAS KERJA	:	PERMOHONAN KELULUSAN DAN BAJET UNTUK MELAKSANAKAN SEMINAR PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK & PENILAIAN PENGIKTIRAFAN SERTA PROGRAM SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS PROJEK PLWS (SPPE-PLWS) BAGI PERUSAHAAN KECIL & SEDERHANA (PKS) NEGERI SABAH 2021													
CADANGAN TARIKH	:	Jun – Julai 2021													
TEMPAT	:	Negeri Sabah													
HASIL KOS ANGGARAN / LEBIHAN	:	<table><tr><td colspan="2">HASIL (RM)</td><td>2,000.00</td></tr><tr><td rowspan="2">KOS (RM)</td><td>PEMBANGUNAN (TWIP)</td><td>32,700.00</td></tr><tr><td>OPERASI</td><td>920.00</td></tr><tr><td colspan="2">LEBIHAN TERHADAP KOS OPERASI</td><td>1,080.00</td></tr></table>			HASIL (RM)		2,000.00	KOS (RM)	PEMBANGUNAN (TWIP)	32,700.00	OPERASI	920.00	LEBIHAN TERHADAP KOS OPERASI		1,080.00
HASIL (RM)		2,000.00													
KOS (RM)	PEMBANGUNAN (TWIP)	32,700.00													
	OPERASI	920.00													
LEBIHAN TERHADAP KOS OPERASI		1,080.00													
BAJET	:	1. Bajet Pembangunan – TWIP (menggunakan lebihan kelulusan peruntukan melalui Keratan Minit Bil. 26/2021 bertarikh 8 Januari 2021) 2. Bajet Operasi													
BAHAGIAN / WILAYAH / UNIT	:	MPC Wilayah Sabah													
IMPAK	:	i. Meningkatkan <i>outreach</i> program kualiti asas khusus kepada Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) di Negeri Sabah ii. Membantu PKS tempatan dalam membangunkan program peningkatan Produktiviti dan Kualiti di syarikat masing-masing. iii. Meningkatkan penyertaan organisasi PKS yang diperakukan sebagai <i>e-Shared Prosperity Organisation</i> (eSPO)													
BAKI PERUNTUKKAN BAJET / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:														
ULASAN / TANDATANGAN PENGURUS UNIT PCT	:														

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN KELULUSAN
LEMBAGA PENGURUSAN

PERMOHONAN KELULUSAN DAN BAJET UNTUK MELAKSANAKAN
PROGRAM SEMINAR PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK & PENILAIAN
PENGIKTIRAFAN SERTA SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS
PROJEK PLWS (SPPE-PLWS) BAGI PERUSAHAAN KECIL & SEDERHANA
(PKS) NEGERI SABAH 2021

1.0 TUJUAN

Tujuan kertas cadangan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi mengadakan program Seminar Perkongsian Amalan Terbaik & Penilaian Pengiktirafan dan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris Projek PLWS (SPPE-PLWS) bagi Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) Negeri Sabah sebanyak **RM32,700.00** bagi bajet Pembangunan – TWIP.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 MPC sentiasa komited dalam memperkasakan program-program peningkatan produktiviti dan kualiti. PKS juga merupakan salah satu sektor utama yang sentiasa menjadi perhatian. Sejak tahun 2016 sehingga 2020, program peningkatan produktiviti dan kualiti di Negeri Sabah adalah tertumpu kepada pertumbuhan mikro dan kecil yang meliputi pelbagai subjek kualiti seperti 5S, Lean dan sebagainya.
- 2.2 Walaupun telah banyak PKS yang mendapat manfaat dari program MPC, masih banyak peluang dan ruang yang boleh digunakan oleh MPC dalam membantu meningkatkan produktiviti dan kualiti bagi PKS di negeri ini.
- 2.3 MPC sedang giat mempromosikan agar industri dapat melaksanakan program PLWS di tempat kerja masing-masing termasuk diperakukan dengan sijil perakuan eSPO.
- 2.4 Oleh yang demikian, MPC Sabah bercadang untuk melaksanakan program Seminar Perkongsian Amalan Terbaik & Penilaian Pengiktirafan serta Skim

Peningkatan Produktiviti Enterpris Projek PLWS (SPPE-PLWS) bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Negeri Sabah sebagai salah satu usaha untuk membantu lebih banyak PKS dalam program peningkatan produktiviti dan kualiti khususnya dalam bidang PLWS.

3.0 OBJEKTIF

Objektif mengadakan Seminar Perkongsian Amalan Terbaik & Penilaian Pengiktirafan dan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris (SPPE) Projek PLWS (SPPE-PLWS) bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Negeri Sabah adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan penglibatan program-program peningkatan produktiviti dan kualiti khusus kepada PKS di Sabah;
2. Membantu PKS tempatan meningkatkan daya saing organisasi dengan menjalankan program peningkatan produktiviti dan kualiti di organisasi masing-masing dalam menangani cabaran perniagaan masa kini; dan
3. Meningkatkan penyertaan aktif organisasi untuk melaksanakan program PLWS.

4.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 4.1 Seminar Perkongsian Amalan Terbaik & Penilaian Pengiktirafan akan diadakan dalam 1 hari (setengah hari) yang menyasarkan penyertaan terbuka daripada organisasi (50 peserta) Perusahaan Kecil dan Sederhana Negeri Sabah di bawah Persatuan Usahawan Sabah (PUSH), *Federation of Sabah Industries (FSI)* dan Dewan Usahawan Melayu Sabah (DEUMESA).
- 4.2 Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris (SPPE) Projek PLWS (SPPE-PLWS) bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana Negeri Sabah akan dilaksanakan pada bulan Julai 2021 (6 hari) dan akan melibatkan 1 syarikat PKS di Negeri Sabah. Target peserta adalah syarikat yang berpotensi untuk melaksanakan PLWS dan pernah melaksanakan program peningkatan produktiviti dan kualiti di organisasi sebagai kesinambungan terhadap impak penjimatan kos/penciptaan nilai untuk diintegrasikan di dalam projek PLWS. Struktur program dan carta perbatuan pelaksanaan masing-masing adalah sebagaimana Jadual 1 & 2 di bawah:

Jadual 1: Struktur Program SPPE-PLWS bagi PKS Negeri Sabah

Aktiviti	Keterangan
Seminar Perkongsian Amalan Terbaik & Penilaian Pengiktirafan	Penganjuran seminar adalah bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan PLWS dan eSPO kepada peserta yang terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana Negeri Sabah.
Taklimat Kepada Pengurusan Atasan dan Wakil Syarikat (dalam talian)	Satu sesi taklimat akan diadakan kepada pihak pengurusan atasan dan wakil syarikat merangkumi penerangan terhadap perkara-perkara seperti: 1. Latar Belakang, Objektif, dan Faedah Program 2. Struktur Program dan Kaedah Pelaksanaan 3. Garis Masa Program 4. Keperluan dan Penglibatan
Kursus	Sebanyak 2 kursus akan dijalankan seperti berikut: 1. Kursus Peningkatan Produktiviti Melalui PLWS (2 Hari) 2. Kursus Memacu Pelaksanaan PLWS (2 Hari) Kursus dilaksanakan bagi organisasi yang terpilih sahaja.

Jadual 2: Carta Perbatuan Program SPPB-PLWS bagi PKS Negeri Sabah

Aktiviti	Tahun 2021							
	Jun				Julai			
Seminar Perkongsian Amalan Terbaik & Penilaian Pengiktirafan								
Taklimat Kepada Pengurusan Atasan dan Wakil Syarikat								
Kursus Peningkatan Produktiviti Melalui PLWS								
Kursus Memacu Pelaksanaan PLWS								
Sesi Lawatan Khidmat Nasihat								

- 4.3 Tenaga pakar bagi pelaksanaan projek ini dicadangkan daripada kalangan tenaga pengajar lantikan MPC yang akan dikoordinasikan oleh unit PLWS, MPC.
- 4.4 Syarikat yang terlibat di dalam program ini bakal berpeluang untuk menyertai Pertandingan Anugerah PLWS Piala Menteri Sumber Manusia yang

dianjurkan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia.

- 4.5 Yuran penyertaan berjumlah RM2,000 akan dikenakan kepada setiap syarikat untuk memastikan komitmen dan penglibatan berterusan sepanjang pelaksanaan program pembangunan sistem.
- 4.6 Seminar yang akan diadakan adalah secara percuma dan mewajibkan setiap organisasi yang hadir ke seminar untuk mendaftar sebagai *e-Shared Prosperity Organisation* (eSPO).
- 4.7 Ringkasan anggaran perbelanjaan adalah seperti di **Lampiran 1.**

5.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

Anggaran perbelanjaan bagi Seminar Perkongsian Amalan Terbaik & Penilaian Pengiktirafan dan Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris Projek PLWS (SPPE-PLWS) Perusahaan Kecil dan Sederhana Negeri Sabah 2021 adalah **RM 32,700.00 menggunakan bajet Pembangunan TWIP dan RM 920.00 menggunakan bajet Operasi SBO**. Butiran terperinci adalah seperti di Lampiran 1.

6.0 SYOR

Pihak Lembaga Pengurusan MPC adalah disyorkan untuk memberi **kelulusan penganjuran Seminar Perkongsian Amalan Terbaik & Penilaian Pengiktirafan dan Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris Projek PLWS (SPPE-PLWS) Perusahaan Kecil dan Sederhana Negeri Sabah** dengan kos seperti di lampiran.

Syor oleh sekretariat bajet pembangunan TWIP adalah untuk menggunakan peruntukan TWIP yang telah diluluskan melalui **Keratan Minit 26/2021 bertarikh 8 Januari 2021**. Tempoh kertas cadangan tersebut ialah dari Januari – Mac 2021 di mana bajet yang telah di *locked* hanya RM243,228.00 daripada jumlah yang dipohon iaitu RM340,000.00. Sehubungan itu, sekretariat TWIP memulangkan semula lebihan sebanyak RM96,772.00 untuk digunakan oleh SBO.

Disediakan oleh:



Nurfariha Ahmad
Penolong Pengurus
MPC Wilayah Sabah
Tarikh: 11 Mei 2021

Disokong oleh:



Mokhzani Aris Mohd Yusof
Pengarah
MPC Wilayah Sabah
Tarikh: 11 Mei 2021

Disemak oleh:



Lee Wan Swanee
Pengurus
MPC Wilayah Sabah
Tarikh: 11 Mei 2021

Disokong oleh:



Sugumar Saminathan
Pengarah
Unit PLWS, PCD
Tarikh: 11 Mei 2021

Anggaran Perbelanjaan bagi Seminar Perkongsian Amalan Terbaik & Penilaian Pengiktirafan dan Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris Projek PLWS (SPPE-PLWS) Perusahaan Kecil dan Sederhana Negeri Sabah 2021

Program: Seminar Perkongsian Amalan Terbaik & Penilaian Pengiktirafan				
Bil	Aktiviti	Tempoh (hari)	Perbelanjaan Bajet Pembangunan (RM)	Perbelanjaan Bajet Operasi (RM)
1.	Seminar Perkongsian Amalan Terbaik & Penilaian Pengiktirafan	5 jam	i. Pakej Seminar (<i>Halfday</i>) <i>130.00 x 50 pax = 6,500.00</i>	i. Tuntutan Elaun Makan/Harian - <i>65.00 x 2 pegawai = 130.00</i> ii. Tuntutan Perjalanan - <i>50.00 x 2 pegawai = 100.00</i>
			i. Pembayaran Tenaga Pengajar - <i>2,500.00 x 1 hari = 2,500.00</i> <i>*termasuk tiket penerbangan dan penginapan</i>	
JUMLAH			9,000.00	230.00

Program: Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris Projek PLWS (SPPE-PLWS)				
Bil.	Aktiviti	Tempoh (hari)	Perbelanjaan Bajet Pembangunan (RM)	Perbelanjaan Bajet Operasi (RM)
1.	Taklimat Kepada Pengurusan Atasan dan Wakil Syarikat (dalam talian)	4 jam	i. Pembayaran Tenaga Pengajar - 300.00 x 4 jam = 1,200.00	-
2.	Kursus Peningkatan Produktiviti Melalui PLWS	2 hari	i. Pembayaran Tenaga Pengajar - 2,500.00 x 2 hari = 5,000.00 *termasuk tiket penerbangan dan penginapan	i. Tuntutan Elaun Makan/Harian - 65.00 x 2 pegawai = 130.00 ii. Tuntutan Perjalanan - 50.00 x 2 pegawai = 100.00
			ii. Pakej Mesyuarat (Full day) 150.00 x 25 pax = 3,750.00	
3.	Kursus Memacu Pelaksanaan PLWS	2 hari	i. Pembayaran Tenaga Pengajar - 2,500.00 x 2 hari = 5,000.00 *termasuk tiket penerbangan dan penginapan	i. Tuntutan Elaun Makan/Harian - 65.00 x 2 pegawai = 130.00 ii. Tuntutan Perjalanan 50.00 x 2 pegawai = 100.00
			ii. Pakej Mesyuarat (Full day) 150.00 x 25 pax = 3,750.00	
4.	Sesi Lawatan Khidmat Nasihat	1 hari	i. Pembayaran Tenaga Pengajar - 2,500.00 x 2 hari = 5,000.00 *termasuk tiket penerbangan dan penginapan	i. Tuntutan Elaun Makan/Harian - 65.00 x 2 pegawai = 130.00 ii. Tuntutan Perjalanan 50.00 x 2 pegawai = 100.00
JUMLAH			23,700.00	690.00

PROGRAM	Hasil (RM)	Perbelanjaan Bajet Pembangunan (RM)	Perbelanjaan Bajet Operasi (RM)
Seminar Perkongsian Amalan Terbaik & Penilaian Pengiktirafan	-	9,000.00	230.00
Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris Projek PLWS (SPPE-PLWS)	Yuran penyertaan= 2,000.00 x 1 syarikat	23,700.00	690.00
JUMLAH KESELURUHAN	2,000.00	32,700.00	920.00
LEBIHAN (HASIL – PERBELANJAAN OPERASI)	2,000.00 – 920.00 = 1,080.00		

Nota:

1. Tenaga Pengajar yang dicadangkan merupakan tenaga pengajar lantikan MPC (cadangan daripada Unit PLWS). Justeru, urusan tuntutan perjalanan dan elaun pegawai tersebut melibatkan perbelanjaan Operasi.
2. Penglibatan pegawai eSPO daripada Ibu Pejabat adalah secara dalam talian.